

02 DEC 1996

UMNO-surat

SURAT UMNO MINTA EXCONYA DI KELANTAN LETAK JAWATAN DIHANTAR SABTU LEPAS

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Ibu pejabat UMNO telahpun menghantar surat meminta keempat-empat ahlinya yang menganggotai Exco Kerajaan Negeri Kelantan meletak jawatan serta merta selaras dengan keputusan Majlis Tertinggi parti.

Surat itu dihantar melalui Pos Laju pada Sabtu lepas, kata Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik kepada Bernama hari ini.

Mereka terdiri daripada Timbalan Menteri Besar Datuk Rozali Isohak serta Nik Mustapa Nik Loding, Kpt (B) Mohamad Nor Ahmad dan Daud Jaafar, kesemuanya bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 yang menyertai UMNO setelah S46 dibubarkan Oktober lepas. Keempat-empatnya dilantik ke jawatan itu semasa S46 menubuhkan kerajaan Kelantan bersama PAS selepas pilihan raya umum tahun lepas.

Keputusan UMNO mengarahkan mereka meletak jawatan dicapai pada mesyuarat MTnya Khamis lepas. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO berkata langkah itu ialah kerana UMNO tidak membentuk kerajaan campuran dengan PAS.

Ekoran keputusan itu, Rozali dilaporkan berkata beliau dan ketiga-tiga anggota Exco Kelantan itu akur kepada kehendak parti tetapi masih menunggu surat rasmi daripada ibu pejabat parti untuk membolehkannya menghadap Sultan Kelantan bagi memaklumkan kepada baginda mengenai arahan UMNO itu.

Sabbaruddin, yang pelantikannya diumumkan oleh Dr Mahathir pada hari yang sama, berkata beliau akan menemui semua Setiausaha UMNO Bahagian termasuk daripada Pergerakan Pemuda dan Wanita di Semenanjung pada 13 Dis ini untuk membincangkan urusan pentadbiran parti.

Pertemuan dengan Setiausaha Kerja UMNO Negeri dan Bahagian dijadual pada 20 Dis manakala pada 2 Jan beliau akan berbincang dengan Setiausaha UMNO Bahagian di Sabah.

Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berkata beliau juga akan mengambil kesempatan menemui ahli-ahli Kelab Umno seberang laut setiap kali beliau berada di luar negeri.

"Ini untuk menjelaskan kepada mereka tentang keadaan terkini dalam UMNO dan negara," katanya.

Mengenai pelantikannya, Sabbaruddin berkata bahawa ramai orang terkejut kerana menyangkakan Dr Mahathir mungkin akan melantik orang lain.

"(Malahan) wartawan bertanya kepada Dr Mahathir mengapa Sabbaruddin dilantik menggantikan Datuk Mohamed Rahmat," kata beliau.

Ketika melawat ibu pejabat parti hari ini, Sabbaruddin mengucapkan tahniah kepada kakitangan di situ kerana bekerja keras menjalankan urusan parti. -- BERNAMA

SJA MAI